

JTK, NGO, kesatuan sekerja, MAH meterai MoU minggu depan

13 hotel tarik balik larangan bertudung

Oleh FARHANA JONI
utusan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 JAN.

ISU larangan bertudung dalam kalangan pekerja wanita beragama Islam di sektor perhotelan selesai apabila kesemua 13 hotel di Semenanjung bersetuju menarik balik peraturan tersebut.

Presiden Majlis Perhubungan Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC), Datuk Mohammed Shafie BP Mammal berkata, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung, Datuk Mohd. Jeffry Joakim mengesahkan perkara itu kepada pihaknya hari ini dalam mesyuarat tertutup di Putrajaya.

Sejajar dengan itu katanya, pertemuan dengan Persatuan Hotel Malaysia (MAH), kesatuan sekerja hotel lain dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan diadakan minggu hadapan bagi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) membenarkan semua pekerja wanita beragama Islam memakai tudung.



MOHAMMED SHAFIE



"Alhamdulillah, 13 hotel yang didapati melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) larangan bertudung terhadap pekerja wanita beragama Islam bersetuju menarik balik peraturan tersebut.

"Terima kasih kepada kerajaan kerana mendengar aduan mengenai isu ini dan berharap tindakan tegas akan dilaksanakan terhadap pengusaha hotel yang masih berdegit meneruskan peraturan diskriminasi itu," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Jelas Mohammed Shafie, pihaknya turut mengemukakan

senarai 28 hotel di seluruh negara yang menguatkuasakan SOP tersebut dan menggesa jabatan berkenaan mengambil tindakan segera.

Katanya, senarai itu diperoleh hasil siasatan anggota UNI-MLC dan aduan daripada beberapa pekerja wanita beragama Islam yang menjadi mangsa peraturan diskriminasi tersebut.

"Kami akan membentangkan satu rangka kerja sebagai persediaan kepada semua pihak industri agar menghormati Perlembagaan," katanya.

Sementara itu, Bahagian Komunikasi Korporat Kementerian Sumber Manusia ketika dihubungi mengesahkan mengenai hasil mesyuarat tersebut.



7 November 2017 - Uni-MLC dedah aduan kakitangan hotel larang pekerja wanita Islam bertudung.

11 November 2017 - Presiden MAH pertahan tindakan hotel atas alasan polisi antarabangsa.

15 November 2017 - Arah PBT tarik balik lesen hotel larang wanita Islam bertudung.

16 November 2017 - Tiada SOP minta pekerja wanita hotel tempatan tanggal tudung.

11 Januari 2018 - Kementerian Sumber Manusia akan selesaikan isu tersebut.

13 Januari 2018

- Isu tersebut boleh diatasi melalui pindaan Akta Kerja 1955.
- 13 daripada 74 hotel amal polisi larangan bertudung semasa bekerja.

25 Januari 2018 - NGO pengguna dan kesatuan sekerja bagi tempoh 2 minggu adakan mesyuarat tergeper dengan MAH.

26 Januari 2018 - Mahu hak bertudung dipertahankan selari dengan kebebasan amalan beragama.

28 Januari 2018 - Presiden UNI-MLC desak Kementerian Sumber Manusia ambil tindakan tegas.

29 Januari 2018

- Mesyuarat tertutup antara JTK dengan Uni-MLC.
- 13 hotel tarik balik larangan bertudung pekerja wanita Islam.